



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

AKTA RUKUN TETANGGA 1975 [AKTA 751] (PINDAAN) 2025 BERKUATKUASA SECARA RASMI BERMULA 1 APRIL 2026

PUTRAJAYA, 1 April 2026 – Akta Rukun Tetangga 1975 [Akta 751] (Pindaan) 2025 telah berkuat kuasa secara rasmi mulai 1 April 2026. Pindaan ini telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2025 dan di Dewan Negara pada 17 Disember 2025 dengan sokongan majoriti Ahli Parlimen, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam memperkasa institusi komuniti demi kesejahteraan rakyat yang inklusif dan harmoni.

Penguatkuasaan pindaan ini menjadi langkah penting dalam mentransformasikan peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) agar lebih dinamik, responsif dan berkesan. Antara fokus utama pindaan adalah seperti berikut:

(i) Penyelarasan Tempoh Pelantikan – Pemanjangan tempoh pelantikan Anggota Jawatankuasa KRT (AJKRT) bagi memastikan kesinambungan kepimpinan dan kelestarian program komuniti.

(ii) Pemantapan Peruntukan Akta – Penambahbaikan peruntukan sedia ada supaya kekal relevan dengan keperluan semasa serta cabaran sosial di peringkat akar umbi.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata pindaan ini bukan sahaja memperkukuh fungsi Rukun Tetangga (RT), malah menjadi pemangkin kepada penglibatan komuniti yang lebih menyeluruh dan berimpak tinggi. Perneriksaan Akta Rukun Tetangga ini mencerminkan

UNTUK SIARAN NEGARA

iltizam Kerajaan MADANI untuk memperkukuh institusi komuniti sebagai teras pembinaan Negara Bangsa. Rukun Tetangga bukan sekadar platform kejranaan, tetapi wadah penting dalam menyemai nilai faham, hormat, terima dan meraikan kepelbagaian dalam kalangan rakyat.

KPN yakin pindaan ini akan mengukuhkan lagi peranan RT dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dalam memelihara keselamatan serta keharmonian komuniti. Melalui pemerksaan institusi RT, KPN komited memastikan masyarakat terus menikmati persekitaran yang selamat, bersatu padu dan sejahtera selaras dengan nilai teras Malaysia MADANI.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

1 April 2026

KPN.100-9/1/16 (**22**)